

28 AUG 1997

CAMRO WIRELESS SASAR JUALAN 10,000 ALAT PENERIMA WAYARLES

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- CAMRO Wireless (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama yang akan dibentuk tidak lama lagi, mensasarkan jualan 10,000 unit alat penerima radio wayarles di Malaysia, Indonesia, Thailand dan China dalam tahun pertama operasinya, kata ketua pegawai eksekutif, C.C Wong hari ini.

Beliau berkata CAMRO Wireless akan memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan alat penerima radio wayarles yang berprestasi tinggi dengan kos rendah dalam tempoh enam bulan daripada sekarang.

CAMRO Technology Sdn Bhd, syarikat yang dikuasai oleh majoriti Bumiputera dan Dr Werner Holzinger and Associates dari Australia hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menubuhkan CAMRO Wireless dengan modal berbayar permulaan sebanyak RM5 juta. Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Othman Abdul.

Wong berkata sistem operasi dan perkakasan yang dimajukan oleh CAMRO Wireless akan mewakili yang "sulung" bagi sebuah syarikat Teknologi Maklumat Gabungan Malaysia.

Ia akan menjadi pengeluar tempatan pertama mereka bentuk, memaju dan mengeluarkan sistem operasi alat penerima radio wayarles, katanya.

Dr Werner Holzinger & Associates telah terbabit dalam industri telekomunikasi sejak 17 tahun lalu di Australia dan Eropah.

Dr Holzinger berkata CAMRO Wireless akan menyediakan sejumlah produk serta perkhidmatan bagi memanfaatkan pasaran di rantau ini.

"Kami percaya ia mempunyai masa depan yang cerah terutama di kawasan yang kekurangan prasarana talian telefon," katanya.

Naib Presiden Kanan CAMRO Technology Haji Shamsul Azhar berkata dorongan kepada CAMRO Technology untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan tokokan nilai diilhamkan daripada gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pakar teknologi Bumiputera supaya menyertai projek-projek yang membabitkan Koridor Raya Multimedia.

"Kami mengambil cabaran dengan menubuhkan pusat pembangunan dan penyelidikan bagi penerokaan terbaru ini," katanya sambil menambah kira-kira 20 jurutera penyelidikan termasuk 10 daripada luar negara akan bekerjasama dalam projek itu.

-- BERNAMA

SHY ZK/sia